KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## AHAD, 10 SEPTEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



10/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **ISTERI KERISAUAN, BEREMOSI ISU POLIGAMI** | |
| | https://www.utusan.com.my/seri/2023/09/beremosi-isu-poligami/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **BAIKI KERETA BAYAR RM1** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1007808/baiki-kereta-bayar-rm1 | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **JUMLAH MANGSA BANJIR KAMPUNG CHINGGONG MENINGKAT KEPADA 451 ORANG** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1150195/jumlah-mangsa-banjir-kampung-chinggong-meningkat-kepada-451-orang | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **BERI KEPERCAYAAN USAHAWAN WANITA DAPAT PINJAMAN KEWANGAN LEBIH BESAR - AHMAD ZAHID** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/beri-kepercayaan-usahawan-wanita-dapat-pinjaman-kewangan-lebih-besar-ahmad-zahid-436498 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **BANTU USAHAWAN WANITA TEMBUSI PASARAN KE PAKISTAN DAN BRUNEI** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/09/1150312/bantu-usahawan-wanita-tembusi-pasaran-ke-pakistan-dan-brunei | BHARIAN.COM.MY |

10/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **KOC KHAS WANITA DALAM MRT LALUAN KAJANG MULAI BULAN DEPAN - ANTHONY LOKE** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1150393/koc-khas-wanita-dalam-mrt-laluan-kajang-mulai-bulan-depan-anthony | BHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/09/09/koc-khas-untuk-wanita-di-mrt-bermula-bulan-depan-anthony-loke/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **OBESITI DI KALANGAN KANAK-KANAK MENINGKAT, PERLU DITANGANI SEGERA - TIMBALAN MENTERI** | |
| | https://dayakdaily.com/obesiti-di-kalangan-kanak-kanak-meningkat-perlu-ditangani-segera-timbalan-menteri/ | DAYAKDAILY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **MURID SEKOLAH RENDAH LEBIH MINAT JADI USAHAWAN?** | |
| | https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/09/murid-sekolah-rendah-lebih-minat-jadi-usahawan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **RAJA MUDA SELANGOR TAWAN KILIMANJARO, MISI TUBUH PUSAT JAGAAN OKU** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1150284/raja-muda-selangor-tawan-kilimanjaro-misi-tubuh-pusat-jagaan-oku | BHARIAN.COM.MY |

10/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **KPWKM TERUS BERI SOKONGAN KEPADA DUA ANAK MANGSA KEMALANGAN MAUT ENAM BERANAK \| IMEDIKEL TV** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=8PF0CQUtFcc | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **YGMB SASAR 10,000 GURU JADI AHLI SETIAP TAHUN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/09/ygmb-sasar-10000-guru-jadi-ahli-setiap-tahun/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/ygmb-sasar-10000-guru-jadi-ahli-setiap-tahun/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **DUA WARTAWAN WANITA DAKWA DIKASARI PENGIRING MENTERI, BELUM BUAT LAPORAN POLIS - AYOB** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1150512/dua-wartawan-wanita-dakwa-dikasari-pengiring-menteri-belum-buat | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **PERCUBAAN KOC WANITA MRT DIMULAKAN HUJUNG BULAN INI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/09/percubaan-koc-wanita-mrt-dimulakan-hujung-bulan-ini/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=UNG-0CQA6Mw | YOUTUBE |

10/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **WANITA CEDERA KERETA DITIMPA POKOK TUMBANG KETIKA BALIK MENGUNDI** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-cedera-kereta-ditimpa-pokok-tumbang-ketika-balik-mengundi-436632 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **WANITA CEKAL SERTAI LATIHAN LASAK MALIM GUNUNG** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1007935/wanita-cekal-sertai-latihan-lasak-malim-gunung | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **ROGOL WANITA BERGILIR: BAKI EMPAT SUSPEK DITAHAN DI KELANTAN, KUALA LUMPUR** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/09/rogol-wanita-bergilir-baki-empat-suspek-ditahan-di-kelantan-kuala-lumpur/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **TERCEKIK ANGGUR: KANAK-KANAK MENINGGAL DUNIA LEPAS 10 HARI TERIMA RAWATAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1008106/tercekik-anggur-kanak-kanak-meninggal-dunia-lepas-10-hari-terima-rawatan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **TERCEKIK ANGGUR, KANAK-KANAK DUA TAHUN MENINGGAL DUNIA 10 HARI SELEPAS DIRAWAT** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tercekik-anggur-kanakkanak-dua-tahun-meninggal-dunia-10-hari-selepas-dirawat-436662 | ASTROAWANI.COM |

10/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **KANAK-KANAK MAUT DILANGGAR BARU MENANG PERTANDINGAN PAKAIAN MERDEKA** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/kanak-kanak-maut-dilanggar-baru-menang-pertandingan-pakaian-merdeka/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **KANAK-KANAK HIDAP KETUMBUHAN OTAK RAYU SUMBANGAN RM31,659** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1007913/kanak-kanak-hidap-ketumbuhan-otak-rayu-sumbangan-rm31659 | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **KANAK-KANAK PEREMPUAN MAUT TERCEKIK ANGGUR** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/09/kanak-kanak-perempuan-maut-tercekik-anggur/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **VETERAN OKU PENGLIHATAN TUNAI TANGGUNGJAWAB MENGUNDI** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1150485/veteran-oku-penglihatan-tunai-tanggungjawab-mengundi | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **NETIZEN TAK LAYAN KES WARGA EMAS, TAK CAMPUR, SATU-SATU BUKA KERTAS SIASATAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/09/netizen-tak-layan-kes-warga-emas-tak-campur-satu-satu-buka-kertas-siasatan/ | KOSMO.COM.MY |

10/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **WARGA EMAS LABUR RM250,000, MANGSA PENIPUAN SKIM PELABURAN HARTANAH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/278129/berita/semasa/warga-emas-labur-rm250000-mangsa-penipuan-skim-pelaburan-hartanah | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **KKM PERLU LEBIH RAMAI JURURAWAT PENJAGAAN WARGA EMAS** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/09/kkm-perlu-lebih-ramai-jururawat-penjagaan-warga-emas/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.malaysiakini.com/news/678605 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1007957/kkm-perlu-lebih-ramai-jururawat-bidang-gerontologi | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **TANGISAN SYUKUR ASNAF WARGA EMAS DIBANTU PPZ-MAIWP** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1007925/tangisan-syukur-asnaf-warga-emas-dibantu-ppz-maiwp | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **KEKAL AKTIF SEBELUM DAN SELEPAS BERSARA** | |
| | https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/09/1150456/kekal-aktif-sebelum-dan-selepas-bersara | BHARIAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KOC KHAS MRT UNTUK WANITA BULAN DEPAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 10 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Koc khas MRT untuk wanita bulan depan

**Klang:** Kementerian Pengangkutan (MOT) akan memperkenalkan koc khas transit aliran massa (MRT) untuk wanita dengan permulaan membabitkan laluan Kajang bulan depan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata ia berikutan pihaknya mengambil maklum kebimbangan penumpang wanita dengan risiko gangguan seksual setiap kali berada dalam koc yang penuh sesak.

Beliau berkata, ia juga mengambil kira kadar aduan diterima Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA) berkaitan gangguan seksual dalam MRT yang semakin meningkat.

Selain MRT, katanya, MOT turut merancang memperkenalkan koc khas untuk wanita dalam kemudahan transit aliran ringan (LRT) memandangkan ia berdepan cabaran besar kerana jumlah pengguna lebih tinggi.

"Koc ini (khas untuk wanita) adalah yang pertama membabitkan pengangkutan awam dalam bandar dan untuk percubaan, kita akan mulakan pertengahan bulan ini," katanya ketika berucap pada Kongres Wanita DAP 2023 di Grand Centrio Mall, di sini, semalam.

Sementara itu, laporan awal nahas pesawat jenis *Beechcraft Premier 1* terhempas di Elmina, Shah Alam, pada 17 Ogos lalu, akan dikeluarkan Jumaat ini.

Loke berkata, seperti dinyatakan sebelum ini, laporan akan siap dalam tempoh dua minggu.

Katanya, laporan itu adalah mengenai analisis data berhubung hasil rakaman suara 30 minit dalam komponen 'memory puck' pesawat.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'KENAPA MUKA ADAM PELIK?' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 10 SEP 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



MOHAMAD Adam Naufal menerima rawatan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.

# 'KENAPA MUKA ADAM PELIK?'

***Budak melecur di muka, tangan disambar api dari tong cat meletup dalam timbunan sampah***

Oleh Sudirman Mohd Tahir
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

"Kenapa muka Adam macam ni (pelik), tak macam dulu."

Demikian kata-kata, Mohamad Adam Naufal Abdullah, 10, yang melecur di bahagian muka dan kedua belah tangan selepas membuat panggilan video dengan adik beradik lain.

Ibunya, Nurul Atikah Mohd Halim, 28, berkata, Adam yang juga anak sulung daripada lima beradik itu melecur pada tahap 16 peratus akibat disambar api dari tong cat meletup dalam timbunan sampah di Kampung Tengah, Kluang, Johor pada 3 September lalu.

Menurutnya, kejadian berlaku terlalu pantas sebelum segera membawa anaknya ke Hospital Kluang, Johor.

"Pada hari kejadian, saya bawa Adam untuk tolong kemas rumah sewa yang kami baru nak masuk. Sebab penyewa sebelumnya tinggalkan barang dan perabot lama. Sewaktu saya minta Adam buang kotak untuk dibakar di timbunan sampah di luar rumah, tiba-tiba ada benda meletup.

"Rupanya dalam tu ada tong cat. Memang tak jangka pun sebab saya tak selongkar timbunan sampah. Saya jadi panik dan fikir jangan sapu guna krim atau ubat gigi. Masa itu Adam cakap bahagian tangan pedih, jadi saya cepat-cepat cucuh dengan air. Rupa-rupanya, bahagian muka dia pun teruk," katanya.

Menurutnya, Adam kemudiannya dipindahkan ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru untuk rawatan lebih lanjut.

"Sepatutnya, pada pagi Rabu lalu doktor nak ambil kulit di bahagian paha dan tampal di bahagian yang melecur, tapi hasil pemeriksaan kesan lecur tak merosakkan kulit. Jadi, prosedur itu tak dibuat.

"Tak tahu sampai bila akan duduk di wad sebab setiap hari jururawat akan cuci kesan melecur. Wajah Adam juga perlu dibalut bagi mengelakkan sebarang jangkitan lain. Itu yang dia cakap pelik," katanya.

Menurutnya, setiap hari dia memberikan kata-kata semangat buat anaknya itu untuk terus kuat dan segera sembuh.

Video perkongsian Nurul Atikah di TikTok yang memaparkan keadaan Adam mengundang rasa pilu dalam kalangan warganet. Hantaran itu mencecah 1.6 juta tontonan, lebih 58,000 tanda suka dan 5,500 komen.



MOHAMAD Adam Naufal ketika membuat panggilan video dengan adik-beradiknya.

> *Tak tahu sampai bila akan duduk di wad sebab setiap hari jururawat akan cuci kesan melecur. Wajah Adam juga perlu dibalut bagi mengelakkan sebarang jangkitan lain. Itu yang dia cakap pelik"*
>
> **Nurul Atikah**

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | 'PEMANDU RAGUT NYAWA MURIDKU' | | |
| HARI : | AHAD | AKHBAR : | METRO AHAD |
| TARIKH : | 10 SEP 2023 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# 'PEMANDU RAGUT NYAWA MURIDKU'

## *Guru taska harap kematian Shaheizy Iman dapat pembelaan sewajarnya*

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

**Port Dickson**

"Kematian murid saya adalah akibat kecuaian pemandu. Saya amat berharap mangsa mendapat pembelaan sewajarnya dari pihak berkuasa. Dia adalah murid paling awal datang ke sekolah setiap hari, pasti kehilangannya sangat dirasai," ujar guru taska Pasti Al-Hassan, Kamisah Abu Bakar, 44.

Dalam kejadian Khamis lalu, mangsa, Muhammad Shaheizy Iman Muhammad Shazerein, empat tahun yang baru pulang dari tadika maut sejurus motosikal ditunggang bapanya terbabit dalam kemalangan dengan sebuah kereta mewah di kilometer 16, Jalan Sua Betong-Air Kuning di sini.

Kamisah berkata, arwah Muhammad Shaheizy adalah murid yang pendiam dan kurang bercakap.

"Baru-baru ini sempena bulan kemerdekaan, pihak sekolah menganjurkan Hari Kemerdekaan dan arwah menang kategori pakaian terbaik bagi lelaki.

"Memang tidak disangka, arwah pergi sekelip mata sebaik pulang dari sekolah pada jam 12.15 tengahari. Dia diambil bapanya, Muhammad Shazerein, 30, dengan menaiki motosikal," ujarnya.

Menurutnya, arwah memang jarang bercakap kecuali bila ditanya namun dia antara pelajar yang rajin ketika di sekolah.

"Saya hanya dapat tahu kejadian itu selepas membuka telefon bimbit. Saya terkejut apabila melihat deretan mesej Whats... memaklumkan ... jadian menimp... arwah.

"Sebaik mendapat pengesahan daripada ibu arwah, saya bergegas ke Bilik Mayat Hospital Port Dickson melihat keadaan jenazah arwah," katanya.

Kamisah berkata, dia berharap keluarga arwah diberi keadilan dan pesalah diberikan hukuman setimpal.

"Apa yang saya tahu, kejadian ini adalah disebabkan kecuaian pemandu kereta.

"Saya tahu nyawa murid kesayangan tidak boleh diganti, tetapi kecuaian pemandu kereta itu perlu dipersoalkan kerana memandu dalam keadaan cuai.

"Murid sekolah Pasti Al-Hassan, Taman Desa PD, berhampiran Sua Betong tidaklah ramai, sekitar 13 pelajar dan kehilangan arwah pasti dirasai," katanya.

Ketua Polis daerah Port Dickson, Superintenden Aidi Sham Mohamed berkata, mangsa, Muhammad Shaheizy Iman Muhammad Shazrein disahkan meninggal dunia di Zon Merah Hospital Port Dickson.

Menurutnya, kejadian kira-kira jam 1.30 tengah hari itu berlaku ketika penunggang motosikal yang merupakan juruteknik Ladang Sua Betong dalam perjalanan pulang dari mengambil anaknya dari Pasti Al Hasan, Taman Desa Port Dickson sebelum terlibat dalam kemalangan dengan sebuah kereta di pandu lelaki warga Singapura, berusia 33 tahun.

"Siasatan awal mendapati kemalangan dipercayai berlaku apabila kedua-dua kenderaan itu bergerak dari arah Air Kuning menghala ke Sua Betong.

"Sebaik tiba di lokasi, kereta berkenaan sedang memotong kenderaan di hadapannya lalu melanggar bahagian tepi kanan motosikal yang sedang membelok ke simpang kanan menghala ke Ladang Sua Betong," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.



PEMANDU yang merempuh motosikal dinaiki mangsa.



KEADAAN motosikal yang dinaiki arwah bersama bapanya.



KAMISAH menunjukkan gambar arwah Muhammad Shaheizy Iman.

> "Memang tidak disangka, arwah pergi sekelip mata sebaik pulang dari sekolah
> — Kamisah

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'TAK TERGAMAK SUMBAT ANAK MASUK JEL KERANA KERETA' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 10 SEP 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Tak tergamak sumbat anak masuk jel kerana kereta'

**Kuala Lumpur:** Penyanyi dan pelakon era 1980-an, Datuk ND Lala, 62, tak tergamak 'menyumbat' anaknya, Amir Syafiq, 30, ke penjara hanya kerana mengambil kereta kepunyaan isterinya, Siti Munirah Abdul Ghani.

ND Lala membuat pendedahan berhubung pemilikan kereta Peugeot 207 yang mencetuskan pertengkaran antaranya dengan keluarga selama hampir dua bulan sejak Disember tahun lalu hingga Februari lalu.

"Kalau sehingga polis tangkap, akan mencemar nama baik keluarga. Berita akan keluar, anak ND Lala ditangkap kerana curi kereta. Saya pujuk dia, akhirnya dia bersetuju untuk serahkan balik. Saya tak naklah anak saya direman, ditangkap dan dimalukan," katanya.

ND Lala juga menjelaskan keadaannya nampak sugul dan tak terurus ketika itu adalah disebabkan dirinya betul-betul tertekan.

"Isu ini berjalan selama hampir dua bulan. Bukan kerana saya disihir isteri, Siti Munirah. Itu fitnah, saya memang dalam keadaan tertekan. Siti Munirah tidak pernah suruh mana-mana ahli keluarga saya pergi ambil kereta itu. Hakikatnya, kereta itu diambil secara tidak sah, maksudnya dicuri," katanya.

Menurutnya dia perasan teman wanita Amir merakam video ketika penyerahan itu tapi tidak sangka ia diberikan kepada bekas isterinya, Fauziah Sarman untuk tujuan menjatuhkan dirinya. Dia seboleh-bolehnya tidak ingin berbalah dengan Fauziah dan turut meminta pulangkan pasport miliknya dan Siti Munirah.

"Tak tahulah macam mana mereka berpakat untuk jatuhkan reputasi saya. Video itu disunting bekas isteri dengan menukar cerita sebenar kepada cerita yang menggambarkan betapa jahat dan kejamnya ND Lala serta Siti Munirah.

"Siapa pun tengok video dan cerita yang ditulis bekas isteri saya, pasti akan terdorong untuk amat membenci saya dan isteri saya, Siti Munirah. Saya meminta bekas isteri, kita pun sudah bercerai cara baik, tak perlulah berbalah atau bergaduh. Tak boleh, kita sudah tua. Saya minta sangat-sangat supaya pulangkan balik pasport itu," katanya.



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 700,000 KES SETIAP TAHUN! | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 10 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

HARI PENCEGAHAN BUNUH DIRI SEDUNIA

# 700,000 KES SETIAP TAHUN!

Oleh Muhd Izawan Baharin dan Yusmizal Dolah Aling
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan terdapat lebih daripada 700,000 kes bunuh diri setiap tahun di seluruh dunia.

Justeru, Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia (WSPD) dilancarkan pada 2003 oleh Persatuan Antarabangsa Pencegahan Bunuh Diri bersama WHO manakala tarikh 10 September setiap tahun menjadi fokus kepada isu itu.

Ia bertujuan mengurangkan stigma dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan organisasi, kerajaan dan orang ramai selain memberikan mesej tunggal bahawa bunuh diri boleh dicegah.

**Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia dilancarkan pada 2003**

'Mencipta Harapan Melalui Tindakan' pula menjadi tema tiga tahun sekali untuk WSPD dari 2021-2023.

Tema ini sebagai seruan untuk bertindak dan peringatan bahawa terdapat alternatif kepada bunuh diri dan melalui tindakan, seseorang boleh menggalakkan harapan dan mengukuhkan pencegahan.

Dengan mencipta harapan melalui tindakan, ia memberi isyarat kepada orang yang mengalami pemikiran sebegini bahawa masih ada harapan kerana ada pihak mengambil berat serta menyokong mereka.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUDAK 12 TAHUN HUBUNGI PLUSVIBES UNTUK BANTUAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 10 SEP 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Budak 12 tahun hubungi PlusVibes untuk bantuan

**Kuala Lumpur:** Kurang kasih sayang ibu bapa, merasakan diri menjadi beban kepada keluarga selain putus cinta menjadi antara faktor yang menyebabkan golongan remaja dan kanak-kanak mempunyai kecenderungan menamatkan nyawa sendiri.

Malah di usia semuda 12 tahun, ada kanak-kanak sudah mempunyai idea membunuh diri kerana mendakwa didera secara mental oleh keluarga dan putus harapan meneruskan kehidupan.

Situasi membimbangkan ini hasil daripada kes diterima PlusVibes ialah aplikasi kesihatan mental yang menyediakan platform kepada individu memerlukan sokongan emosi dan motivasi.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif PlusVibes, Madiha Fuad berkata, sejak aplikasi itu dilancarkan pada November 2020 hingga tahun ini, pihaknya sudah menerima 42,581 pengguna yang mahu mendapatkan bantuan kecemasan mental dengan segera.

"PlusVibes menyediakan penjagaan kesihatan mental yang mudah diakses. Kita menjalinkan kerjasama dengan persatuan kesihatan mental, klinik panel dan pakar dengan matlamat utama menyediakan platform interaktif untuk pengguna mendapatkan bantuan kecemasan mental serta melindungi identiti mereka.

"Semua perbualan dan terapi adalah sulit serta identiti pengguna kekal tanpa nama. Setakat ini kami menjalankan 19,200 sesi kaunseling melalui PlusVibes dan membantu kira-kira 900 individu yang mempunyai idea mahu membunuh diri supaya kembali bersemangat meneruskan kehidupan," katanya yang ditemui.

Beliau berkata, majoriti individu yang mahu mendapatkan bantuan berusia antara 18 hingga 35 tahun namun pihaknya turut menerima kes kanak-kanak berusia 12 tahun yang menghubungi mereka bagi mendapatkan bantuan.

"Kanak-kanak perempuan ini mengetahui mengenai PlusVibes melalui carian di Google. Dia mahu mendapatkan bantuan terapi profesional kerana tertekan dengan keluarga.

"Keluarganya berdepan masalah kewangan dan kesannya dia merasakan diri sebagai beban, tidak dipedulikan dan didera secara mental. Dia berada pada tahap sudah memikirkan cara membunuh diri.

"Alhamdulillah, dalam tempoh kira-kira enam bulan dia mendapatkan bantuan daripada pakar kami, keadaannya semakin baik dan dia kembali bersemangat," katanya.

Madiha berkata, putus cinta juga menjadi antara pendorong golongan remaja mahu membunuh diri.

"Walaupun perkara ini nampak remeh dan mungkin menjadi bahan sindiran bagi orang lain namun sebenarnya kesannya lebih besar. Ini kerana golongan ini menjadikan teman lelaki atau teman wanita sebagai satu-satunya tempat bersandar dan berkongsi masalah kerana keluarga tidak lagi dilihat memainkan peranan itu.

"Apabila mereka tiba-tiba hilang tempat berkongsi perasaan, hati yang kecewa dan terluka boleh membawa kepada tindakan yang membahayakan diri akibat rasa tidak lagi dihargai," katanya.

Beliau berkata, apa yang lebih menakutkan ialah pada tahun ini sebanyak 55.8 peratus individu yang mahu mendapatkan pertolongan ialah kaum lelaki.

"Pada 2020 hingga 2022, majoriti pengguna aplikasi ini ialah kaum wanita namun pada tahun ini, ia berubah. Ramai kaum lelaki mahu pertolongan sehingga cenderung membunuh diri.

"Antara faktornya, isteri dikatakan tidak memahami suami, keganasan rumah tangga, tekanan kewangan, merasakan gagal menjadi ketua keluarga, tidak dihargai, teruk bekerja tetapi tidak dapat memenuhi keperluan keluarga dan akhirnya bercadang membunuh diri.

"Oleh kerana tidak mahu dikenali, mereka selesa menghubungi dan berkongsi kebimbangan menggunakan PlusVibes yang menyediakan sesi percuma jika mereka yang tidak mampu untuk terapi berbayar," katanya.

**INFO**

- *Putus cinta juga menjadi antara pendorong golongan remaja mahu membunuh diri*
- *Majoriti individu yang mahu mendapatkan bantuan berusia antara 18 hingga 35 tahun*
- *Setakat ini PlusVibes menjalankan 19,200 sesi kaunseling*
- *Pada tahun ini sebanyak 55.8 peratus individu yang mahu mendapatkan pertolongan ialah kaum lelaki*




> "Hati yang kecewa dan terluka boleh membawa kepada tindakan yang membahayakan diri
> Madiha



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HENTI LABEL ISTERI 'PENYONDOL': ND LALA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 10 SEP 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Henti label isteri 'penyondol': ND Lala

**Kuala Lumpur:** Penyanyi era 1980-an, Datuk ND Lala, 62, mengakui meminta restu bapa Siti Munirah Abd Ghani untuk menikahi wanita itu, sekali gus menepis tuduhan sebagai 'penyondol'.

ND Lala berkata, dia melamar Siti Munirah, sedangkan pada awalnya wanita berusia 33 tahun itu tidak berminat terhadapnya.

Justeru, penyanyi lagu Diari YB itu meminta orang ramai berhenti melabelkan isteri baharunya sebagai 'penyondol'.

"Saya nak ambil kesempatan ini, mohon janganlah gelar atau labelkan Siti Munirah sebagai penyondol. Ini tak benar sama sekali sebab dia tak pernah 'sondol' atau mengurat saya.

"Saya yang mendekatinya. Awal-awalnya, Siti Munirah tak nak, tetapi akhirnya saya pergi minta restu ayahnya. Apabila ayahnya bersetuju, maka kami pun bernikah. Jadi, tidak benarlah dia 'sondol' saya.

"Jika 'sondol' saya, kita ada akta yang boleh dibawa ke tengah dan jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan denda. Siti Munirah tidak 'sondo'l, tetapi saya melamarnya secara sah," katanya.

Terdahulu, ND Lala memuat naik tiga video dalam Instagram, kelmarin. Video pertama menjelaskan mengenai isu perceraiannya, manakala video kedua membabitkan impak jenayah, ghibah dan fitnah.

Menerusi video ketiga, ND Lala meminta mereka yang pernah menuduh isterinya sebagai 'penyondol' supaya menurunkan balik tuduhan itu.

Katanya, tuduhan itu adalah dosa dan boleh mengembangkan lagi dosa.

"Sebaik mungkin turunkanlah semula kerana melabelkan orang satu dosa. Dosa ini terus berkembang apabila orang lain pula berkongsi dalam media sosial mereka, kemudian disebarkan berjuta orang lain.

"Ia akan menjadi jariah dosa yang menyebabkan ramai orang terpalit.

"Saya sedih bila ramai orang akan berdosa ketika menghadap Allah kerana dosa fitnah dan ghibah akibat melabelkan orang. Dosa ini tidak boleh diampunkan dengan bertaubat.

"Mudah-mudahan penjelasan saya, ramai akan terselamat daripada fitnah dan umpatan.

"Timbangkanlah tindakan anda dengan fikiran matang, jangan terbawa emosi sebab merugikan. Saya pun sudah berusia 62 tahun, mudah-mudahan sebelum Allah jemput saya balik, sempatlah kalian betulkan keadaan," katanya.

TAJUK : IBU JADI MALIM GUNUNG MINAT CABAR DIRI

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 10 SEP 2023

M/SURAT : 18

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



AIDA Samira

# Ibu jadi malim gunung minat cabar diri

**Kuala Lumpur:** Biarpun bergelar ibu, ia tidak menghalang minat seorang wanita ini menjadi malim gunung yang bertauliah dan menyertai saringan malim gunung.

Minat yang mendalam terhadap aktiviti memanjat gunung mendorongnya mencabar diri dalam ujian saringan kecergasan, Kursus Asas Malim Gunung Perhutanan anjuran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Aida Samira Azhari, 45, berkata, dia memang meminati aktiviti memanjat gunung dan seringkali melakukan aktiviti itu ketika mempunyai waktu lapang.

"Minat saya dalam aktiviti memanjat gunung sejak daripada dulu lagi, cuma pada waktu itu, saya tidak mempunyai banyak masa kerana terikat dengan kerjaya, anak-anak pun masih kecil, jadi semuanya agak terbatas atas kekangan waktu.

"Apabila anak sudah besar, saya rasa saya mahu cuba sesuatu yang berlainan dan mencabar diri sendiri, jadi saya mengambil keputusan untuk menyertai ujian saringan ini.

"Saya memang meletakkan impian untuk menjadi malim gunung bertauliah dan kursus asas anjuran JPSM ini menjadi platform pertama saya," katanya ketika ditemui ketika ujian saringan kecergasan anjuran JPSM, semalam.

Pada masa sama, ujian saringan kecergasan itu disertai 263 peserta bagi Zon Tengah dan ujian sama akan dilaksanakan di Zon Pantai Timur (Kuala Terengganu, Terengganu) manakala Zon Utara (Ipoh, Perak).

Pengarah Bahagian Eco-Forest dan Hutan Taman Negeri JPSM, Mohd Yussainy Md Yusop berkata, ini adalah program baharu yang dilaksanakan untuk 2023 hingga 2025.

"Program ini antara lain menaik taraf malim gunung dan sasaran kita adalah melahirkan 2,100 orang malim gunung bertauliah menjelang 2025.

"Ketika ini, kita sudah melahirkan 1,250 orang malim gunung dan program seumpama ini dilaksanakan untuk memilih mereka yang benar-benar cergas dan layak saja.

"Sepanjang ujian kecergasan ini, peserta akan melalui enam ujian fizikal antaranya tekan tubi, mendagu dan berakhir dengan renang," katanya.

Menurutnya, peserta yang melepasi ujian saringan ini akan mengikuti tiga peringkat latihan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 17 hari.

"Selepas ujian saringan kecergasan ini, peserta yang layak akan mengikuti kursus selama lima hari iaitu pada 15 September ini dan seterusnya ke peringkat ketiga," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PELAJAR MAUT REMPUH PACUAN EMPAT RODA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 10 SEP 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pelajar maut rempuh pacuan empat roda

**Kuala Berang:** Seorang pelajar madrasah maut apabila motosikal yang ditunggang merempuh belakang sebuah pacuan empat roda dalam kejadian di Kilometer 382.6 Lebuh Raya Pantai Timur 2 (Bukit Besi-Ajil), kelmarin.

Pemangku Ketua Polis Daerah Hulu Terengganu, Asisten Superintendan Raja Saripah Robiah Raja Sulaiman berkata, kejadian berlaku kira-kira jam 11.32 malam.

Menurutnya, pihaknya menerima laporan kemalangan membabitkan sebuah pacuan empat roda jenis Mitsubishi dengan sebuah motosikal jenis Honda Vario.

Katanya, pacuan empat roda dari arah Felda Keratong 9 menuju ke sebuah inap desa di Kuala Terengganu untuk menghadiri program 'RXZ Members.'

"Manakala penunggang motosikal dari arah Kampung Sri Bandi Kijal, Kemaman, menghala ke sebuah madrasah di Kampung Bukit Bading, Ajil, dekat sini.

"Siasatan awal mendapati kemalangan berlaku semasa pemandu pacuan empat roda memberhentikan kenderaan di laluan kecemasan untuk membantu rakannya yang mengalami kerosakan motosikal.

"Selepas pacuan berhenti lebih kurang 15 minit di lorong kecemasan tiba-tiba datang penunggang motosikal iaitu Muhammad Hafiz Azizi Mustafa Kamal, 20, dari arah belakang lalu melanggar bahagian belakang pacuan empat roda berkenaan," katanya.

Menurutnya, akibat daripada perlanggaran itu, penunggang motosikal meninggal dunia di tempat kejadian.

Katanya, pemandu pacuan empat roda tidak mengalami sebarang kecederaan dan mayat mangsa dibawa ke Unit Forensik Hospital Hulu Terengganu untuk bedah siasat.

Beliau berkata, penunggang motosikal maut akibat cedera di bahagian kepala dan kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS KESAN WARIS MAYAT ANNAMALAI | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 10 SEP 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis kesan waris mayat Annamalai

**Kuala Lumpur:** Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur (IPPKL) memohon orang awam untuk mengesan waris kepada K Annamalai dalam urusan menuntut mayatnya di Unit Forensik, Pusat Perubatan Universiti Malaya.

